

## BAB ENAM

### PENUTUP

#### 6.0 Pengenalan

Peranan dan sumbangan Abu Hayyan secara menyeluruh daripada perbahasan yang telah dibuat akan dirumuskan dalam bab ini. Selain itu, penulis akan mengutarakan beberapa cadangan kepada para pengkaji, para pendidik, alim-ulama dan kepada pihak-pihak berkenaan dalam usaha untuk mempertingkatkan penggunaan dan penyebaran Bahasa Arab. Semoga dengan kajian ini dapat memberikan banyak manfaat dan faedah kepada semua.

#### 6.1 Rumusan.

Dalam bab ini penulis akan mengemukakan dapanan mengenai peranan dan kesan nahu Abu Hayyan secara ringkas.

##### 6.1.1 Peranan Abu Hayyan terhadap Nahu Arab

Abu Hayyan merupakan seorang mujtahid bebas yang berjaya meletakkan kaedah ilmu nahu yang mantap hasil daripada ilmunya yang sangat luas dalam bidang nahu dan usul nahu hasil gabungan mazhab Maliki, Zahiri dan Syafie. Abu Hayyan bukanlah seorang yang taksub kepada mana-mana mazhab nahu atau mazhab fiqh, sebaliknya beliau mengambil faedah daripada mazhab-mazhab tersebut mana yang kukuh mengikut kaedah yang dipegangnya. Sebagai seorang mujtahid nahu beliau mempunya pendirian sendiri terhadap mazhab-mazhab lain, sama ada menyokongnya atau menolak atau berdiam diri. Adalah menjadi kesilapan jika seseorang mengutip sokongan Abu Hayyan kepada mana-mana mazhab nahu tanpa melihat pendirian lain untuk mejenamakan beliau sebagai bermazhab sifulan sifulan.

Abu Hayyan merupakan perumus nahu Arab yang menjadi pengantara antara zaman percambahan mazhab nahu Arab dan zaman kesatuan kaedah nahu yang diguna pakai sehingga ke hari ini, ini berpandukan kitab-kitab muridnya Ibn Hisyam yang menjadi silibus universiti dan pusat pengajian di Timur Tengah zaman berzaman seperti kitab *Diya' al-Salik fi 'Awdah al-Masalik*.

Jelas sekali sikap Abu Hayyan sebagai mujtahid kerana beliau merupakan seorang kritis terhadap ulama-ulama terdahulu mahu pun yang sezaman dengannya seperti Ibn Malik. Ada pendapat Ibn Malik yang disanggah dan ada yang disokong.

Abu Hayyan mempunyai ijтиhad yang betul dalam nahu, pendirian yang menakjubkan dalam masalah-masalah nahu yang menunjukkan bahawa beliau merupakan seorang mujtahid yang memiliki ilmu yang luas, penguasaan ilmu nahu yang mantap. Beliau berhujah dengan banyak dalil, tidak menyeleweng dan percakapan yang baik seperti hujjahnya dalam *المُضْمِرُ المُنْفَصِلُ*, *الفَصْلُ بَيْنَ أَمَّا وَالَّذِي بِالظَّرْفِ الْمَعْوَلِ لِ "أَمَّا"*, dan lain-lain yang telah diperkatakan dalam Bab Empat.

Kaedah nahu yang dibina oleh Abu Hayyan sangatlah mantap yang membolehkan perancang bahasa mana-mana zaman dapat menjadikan panduan setiap analisis nahu. Contohnya: Beliau sangat berhati-hati dalam menerima riwayat supaya betul dan tepat apa yang disampaikan. Kemuncak berhati-hatinya sehingga riwayat hadith Nabi S.A.W dikhawatiti tersilap kerana perawinya terdiri daripada orang-orang ajam. Ini merupakan perkara yang biasa terjadi, bila sangat berhati-hati pada sesuatu, insan terlepas tidak sedar membuat kesilapan lain. Sepakara yang diakui, setiap ulama mempunyai kegelinciran kerana mereka juga bukannya maksum.

Qiyyas pada Abu Hayyan tidak digunakan kecuali jika terdapat istisyah yang banyak yang boleh menjadi asas kepada sesuatu qiyas.

Abu Hayyan memiliki kebijaksanaannya dalam penyusunan bab-bab, fasal-fasal dan bahagian-bahagian pada kebanyakan karyanya.

Abu Hayyan merupakan orang yang pertama menyusun ilmu nahu yang menepati kaedah pengajian ilmu bahasa di zaman moden ini, memulakan dengan pelajaran fonetik, marfologi dan nahu.

Abu Hayyan merupakan orang pertama menggunakan istilah (علوم اللسان العربي ilmu linguistik Arab) yang merangkumi semua keperluan bahasa dan turut digunakan oleh Ibn Khaldun (Tasy Kubra Zadih. 1329H ms 100).

Abu Hayyan merupakan seorang reformis nahu yang berani berhujjah dan membatalkan ijtihad-ijtihad nahu ulama terdahulu dan yang se zaman dengannya. Beliau bertanggungjawab merumus, membanding, memperakui dan berijtihad dengan pendapatnya sendiri.

Nahu yang terdapat dalam kitab-kitab moden hari ini adalah merupakan rumusan yang dilakukan oleh Abu Hayyan kecuali beberapa perkara aneh yang dikeluarkan. Ini boleh dilihat pada akhir Bab Lima.

Sebagai seorang yang mempunyai kedudukan Syaykh al-Nahw dalam Kerajaan Mamalik beliau berjaya melahirkan ramai murid yang berkaliber yang merupakan penghubung ilmu nahunya ke zaman ini. Cukuplah dengan Ibn Hisyam dan al-Suyutiy yang memainkan peranan yang sangat besar dalam bidang nahu.

Abu Hayyan merupakan seorang murabbi yang profesional berjaya mengkatgorikan pengajian nahu kepada penulisan silibus, buku pelajar, buku rujukan, buku perbandingan, dan praktis yang dijelmakan dalam tafsiran i'rab.

Al-Suyutiy mengambil manfaat daripada kitab Irtisyaf al-Darb karya Abu Hayyan dengan meringkaskan sebagai kitab Ham' al-Hawami'.

Abu Hayyan juga berperanan sebagai periwayat syi'r Arab yang dimuatkan dalam kitab-kitabnya khususnya al-Bahr al-Muhit.

Abu Hayyan telah memecah rekod dunia pada masa itu dengan berjaya mengumpul lebih daripada seribu binaan daripada binaan kata nama dan kata kerja melebihi dengan apa yang telah dilakukan oleh ulama-ulama sebelumnya atau semasa dengannya.

Abu Hayyan menyerupai para mujtahidin dalam ilmu fiqh apabila berijtihad sesuatu perkara nahu, beliau tidak mudah berijtihad melainkan memandang dari segenap segi, khususnya mengenai ayat-ayat al-Quran, bertepatan dengan kaedah ijtihad, segi kandungan makna, istishab, akidah dan lain-lain.

Dengan ingatan yang kuat, pembacaan yang luas dan ijtihad yang mantap Abu Hayyan telah berjaya mengumpulkan kepada kita lima kurun ilmu nahu dan yang sezaman dengannya.

Abu Hayyan merupakan ulama nahu yang mendahului ulama nahu yang lain dalam menghasilkan kitab tafsir nahu yang besar dan ayat al-Quran merupakan dalil yang sentiasa tersemat dalam pemikiran beliau.

### 6.1.2 Kesan Nahu Abu Hayyan terhadap Nahu Arab

Abu Hayyan membentuk kaedah yang mantap dalam usul nahu, antaranya:

Abu Hayyan menggunakan ayat-ayat al-Quran sebagai sumber utama dalam membentuk kaedah nahu mengikut metodologi mujahidin membuat hukum fiqh atau aqidah. Konteks dan koteks makna juga mempengaruhi kedudukan nahu dalam ayat al-Quran. Menjadikan kaedah tanpa berpandukan kepada makna ayat boleh merosakkan makna dan bertentangan dengan syariah dan akidah.

Abu Hayyan menjadikan qira'at mutawatirat sebagai istisyhad kepada bahasa yang fasih dan lumrah, sementara qira'at syadhdhat dijadikan istisyhad kepada bahasa yang jarang-jarang.

Abu Hayyan benar-benar melaksanakan manhaj yang digariskannya dalam menjadikan qira'at shadhat pada sebahagian daripada permasalahan nahu dan saraf .

Abu Hayyan tidak menjadikan hadith sebagai kaedah kulliyat nahu, larangan beliau supaya berhati-hati mengambil hadith sebagai sumber, kerana beliau berada di kurun ketujuh hijrah berbeza dengan penulis-penulis baru yang berada di zaman moden ini di mana pengelasan hadith sudah sempurna.

Nahu Arab tidak menjadi cacat sedikit pun dengan perbalahan tersebut disebabkan bahasa Arab terlalu kaya dengan pelbagai khazanahnya dan al-Quran yang terpelihara sebagai mukjizat yang berkekalan.

Beliau tidak pernah meninggalkan qiyas sebagai sumber ijtihadnya dalam ilmu nahu dan mencadangkan supaya tempat-tempat yang terlalu banyak ta 'lil itu digantikan dengan hukum nahu lain yang bersandarkan kepada sama' yang kukuh adalah lebih baik.

Abu Hayyan tidaklah semudah ulama lain dalam menerima dakwaan ijma' pada sesuatu hukum nahu, sebaliknya beliau akan membantalkan ijma' tersebut dengan hujah-hujahnya.

Abu Hayyan menggunakan ijma' dalam kaedah ijtihad nahunya terutama apabila berlaku pertembungan antara qiyas dan ijma', beliau akan mengutamakan ijma'. Sementara ijma' pula tidak akan diterima oleh beliau jika bertentangan dengan sama'.

Abu Hayyan menepati kaedah ijtihadnya dengan menjadikan bahasa orang Arab yang terkandung dalam puisi mereka di zaman bahasa Arab masih dijadikan hujah sebagai penghujahannya dalam nahu Arab.

Penggunaan puisi Arab yang banyak oleh Abu Hayyan menggambarkan kepada kita bahawa memahami kaedah bahasa Arab dan usulnya tidak memadai untuk menyelami makna-makna al-Quran, kecantikan bahasanya dan kehebatannya selagi mana seseorang pentafsir itu tidak mengikuti selok belok percakapan orang Arab.

Abu Hayyan diperakui oleh ramai ulama dalam riwayatnya mengenai syi'r Arab, boleh dipercayai, thiqah dan adil dalam nukilan.

Nahu Abu Hayyan memenuhi kitab-kitab nahu dan kitab-kitab dalam bidang yang lain, sebagai contoh: Al-Muzhir<sup>15</sup> masalah, Mughniy al-Labib 26 masalah, Syarh Ibn 'Aqil 8 masalah, Tahzib al-Lughat 1 masalah, Syarh al-Rida 'Ala al-Kafiyyat 2 masalah, Syarh Syafiyat Ibn al-Hajib 10 masalah, Hasyiyat al-Sabban 112 masalah dan Naz' al-Khafid fi al-Dars al-Nahw 66 masalah.

Penerokaan nahu Abu Hayyan tidak kunjung padam. Universiti timur tengah terutama di Mesir, Jordan, Iraq, Iran dan Arab Saudi. Di Amerika dan Eropah juga tidak ketinggalan memperkatakan tentang Abu Hayyan dan nahunya. Khazanah peninggalan beliau menjadi bahan kajian yang terlalu banyak dalam kajian sarjana dan PhD.

Cadangan.

Untuk para pengkaji, kajian Abu Hayyan ini membawa banyak fikrah yang masih memerlukan penyelidikan seperti sejauh mana tepatnya tafsiran al-Quran berpandukan ilmu nahu yang sahih. Ia merupakan satu bentuk ilmu nahu komparatif yang membandingkan antara mazhab-mazhab nahu seperti tafsiran al-Quran, hadith, wacana dan teks Arab dengan bentuk-bentuk nahu yang rajih daripada mazhab-mazhab nahu. Sebab-sebab mengapa kitab-kitab Ibn Hisyam lebih banyak digunakan daripada kitab-kitab Abu Hayyan perlu dikaji. Oleh itu, semoga kajian ini akan menjadi anak tangga kepada mendekati khazanah Abu Hayyan yang terlalu banyak dan bernilai.

Untuk para pendidik pula, amat baik jika ada di antara para pendidik yang mengajar nahu Arab dengan menggunakan al-Quran. Mereka mengrab satu demi satu ayat al-Quran dan menjadikan kitab seumpama al-Bahr al-Muhit sebagai panduan. Matlamat mempelajari nahu yang utama adalah untuk memahami al-Quran dan hadith.

Bagi para pendidik, mereka seharusnya mencontohi apa yang dilakukan oleh Abu Hayyan dengan memuliakan murid-muridnya sendiri, mendidik mereka dengan ilmu dan teladan yang baik . Jika mereka menentang, contohlah sikap Abu Hayyan terhadap Ibn Hisyam dengan berdiam diri dan mendoakan mereka, moga dengan itu mereka dapat berbakti dengan sesuatu keistimewaan yang ada pada mereka kepada umat.

Walaupun Abu Hayyan memiliki banyak ilmu tetapi beliau masih boleh menerima ilmu daripada ulama-ulama Moroko, Tunisia dan Mesir. Beliau berguru dengan al-Nahhas sehingga ke akhir hayat guru tersebut dan kemudian mengambil alih pengajian yang disampaikan oleh gurunya.

Abu Hayyan menerima permintaan muridnya supaya beliau menulis sebuah buku yang mudah untuk mereka. Beliau sanggup berjaga malam, menyelidik, menulis dan menyampaikannya kepada mereka. Apa yang diharapkan oleh beliau pada ketika itu tidak lain hanyalah keredaan Allah semata-mata. Selain itu, Abu Hayyan berusaha mempermudah pengajaran dan pembelajaran mereka mengikut aras dan tahap pencapaian muridnya. Walaupun kitabnya dikritik dengan hebat dengan pelbagai cemuh, namun ia tidak menggugat kewibawaannya sebagai Syaykh al-Nuhat .

Kepada para pengkaji bahasa Arab, kajian tokoh-tokoh nahu Arab Nusantara perlu dikaji supaya segala khazanah peninggalan nenek moyang kita tidak dipersia-siakan. Banyak tokoh-tokoh nahu Arab daripada orang-orang Melayu, Jawa, Aceh dan Pattani hilang begitu sahaja. Andalusia dan Baghdad merupakan khazanah kekayaan umat Islam. Teks Arab dalam berbagai bentuk hilang tanpa dituntut oleh umat Islam. Khazanah-khazanah tersebut ada yang musnah dan ada yang bertebaran di seluruh dunia. Barat sudah kaya raya dengan khazanah ilmu, kini tibalah masanya untuk kita membina semula kekayaan dengan memperbanyakkan khazanah ilmu.

Bagi para ulama, mereka dapat mencontohi Abu Hayyan dalam mewarisi kitab-kitab dan anak murid yang hebat. Menyampaikan ilmu dengan tujuan yang ikhlas semata-mata mencari

keredaan Allah dan bukannya mencari kemegahan dengan merendah-rendahkan orang lain, tidak taksub kepada cara tradisional, menyampai ilmu secara bersistem dan bermatlamat, tidak menambah kecelaruan pemikiran umat. Kaedah Abu Hayyan dalam ijtihad nahu harus dicontohi. Al-Quran perlu diletakkan sebagai sumber pertama dan hadith adalah sebagai sumber kedua. Pendirian Abu Hayyan adalah satu hikmah untuk umat ini yang dilanda dengan hadithiyyun (orang yang mengutamakan hadith semata-mata).

Kepada Kementerian Pengajian Tinggi, penulis mencadangkan supaya pihak berkenaan menambahkan peruntukan dan memperluaskan kajian-kajian sebegini sebagaimana raja-raja Mamalik sangat mengambil berat dalam bidang ilmu pengetahuan sehingga Mesir menjadi pusat pengajian terunggul di dunia sehingga ke hari ini. Pelajar-pelajar di universiti, seharusnya diberi pendedahan mengenai buku-buku turath, khusus dalam pengajian bahasa Arab. Ribuan peribadi seperti Abu Hayyan akan berjaya dikeluarkan dan mampu berjasa kepada umat sejagat. Jawatan-jawatan khas untuk ahli akademik yang mempunyai ketokohan haruslah diwujudkan seperti mana gelaran dan kedudukan yang diperoleh oleh Abu Hayyan sebagai "Syaykh al-Nuhat". Kebenaran seperti kursus dan elauan kepada mereka untuk menyampaikan ilmu di masjid, universiti, jabatan kerajaan, seminar, bengkel dalam negara dan luar negara perlu dilakukan supaya mereka dapat memberi manfaat secara umum dan menyeluruh kepada umat.

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia juga dicadangkan supaya menggunakan buku-buku turath dalam pengajian bahasa Arab supaya pelajar-pelajar mempunyai pegangan dan mendapat manfaat daripadanya. Pengajian bahasa Arab seharusnya merentasi mata pelajaran seperti pendidikan al-Quran dan as-Sunnah, pendidikan Syariah dan Tasawur Islam. Pengajian juga perlulah berteraskan dengan memperbanyakkan latihan dan mengetepikan perkara yang tidak perlu dan remeh.

Kepada perancang bahasa, kajian kontrastif nahu Arab dengan nahu Melayu perlu diperbanyakkan, dan tidak perlu terlalu taksub dengan apa yang datang dari Barat. Nahu Arab pertama sekali telah diambil daripada al-Quran. Bahasa Melayu mempunyai 3,400 perkataan berasal daripada bahasa Arab (<http://ms.wikipedia.org>). Selain itu, majoriti rakyat Malaysia yang beragama Islam boleh dikatakan pada setiap hari mereka menggunakan serta memerlukan bahasa Arab dalam perbualan mereka. Abu Hayyan tidak pernah taksub dengan bahasa lain, beliau menulis kitab dalam bahasa Turki, Habsyah dan membuat perbandingan antara bahasa Arab dengan bahasa Habsyah. Kemudian, beliau telah menjelaskan pengaruh bahasa Habsyah ke dalam bahasa Arab.

Bagi pihak kerajaan, dicadangkan supaya mematerikan MoU (memorandum of understanding) dengan negara-negara yang banyak menyimpan khazanah ulama-ulama silam supaya penyelidikan ilmiah dapat dipermudahkan. Cara Negara-negara maju mengiktiraf dan menarik pakar-pakar pengkaji dan para ilmuan di negara mereka seharusnya menjadi ikutan Kerajaan Malaysia, supaya perkembangan ilmu dapat dijanakan bagi kepentingan negara. Pihak berkuasa juga perlu mengambil berat tentang pengajian bahasa Arab. Untuk meningkatkan martabat bahasa Arab dalam kalangan masyarakat Malaysia, dicadangkan kepada pihak berkenaan supaya menamakan jalan-jalan, papan tanda dan taman-taman perumahan dengan nama-nama tokoh ilmuan seperti Abu Hayyan dan lain-lain yang dapat melambang Malaysia sebagai negara ilmu. Keunggulan kerajaan Mamalik di mata dunia kerana dapat mengalahkan kerajaan Mongol disebabkan mereka memuliakan para ulama. Di zaman merekalah berlaku kebangkitan ulama-ulama terkemuka dan perkembangan ilmu pengetahuan.

Penutup.

Pengajian nahu Arab sudah bertapak di Nusantara khususnya negeri-negeri Melayu berabad lamanya. Pattani, Kelantan, Kedah dan lain-lain negeri Melayu terkenal sebagai serambi Makkah kerana sistem pengajiannya. Pengajian yang berteraskan kitab-kitab lama yang muktabar mampu melahirkan tokoh-tokoh ulama Melayu yang sangat alim dalam bahasa Arab. Mereka sanggup berhijrah ke Makkah dan Palestin semata-mata untuk mendalami ilmu bahasa Arab. Bahasa Arab yang mereka pelajari lebih tertumpu kepada bidang nahu yang dipanggil sebagai ilmu alat. Kitab-kitab nahu disusun sebagai kurikulum pengajian di kala itu. Ia bermula dengan kitab Dammun Raf'un, Matan al-'Usymawiy, Matan al-Ajurumiyyat, Syarah Matan al-Ajurumiyyat, Matan al-Alfiyyat, Syarah Ibn 'Aqil dan seterusnya Syarah Asyimuniy.

Kajian ini menampilkan tamadun Melayu yang menjadi pusat perdagangan dan pusat pengajian yang lebih dikenali sebagai sistem pondok. Kajian Abu Hayyan yang berfokuskan kepada peranan dan kesan nahunya diharap dapat menyemarakkan kembali pengajian nahu yang menjadi anak kunci memahami bahasa Arab dan dapat bertutur, membaca dan menulis dengan betul. Kemantapan ilmu ulama-ulama Melayu dalam ilmu nahu tidak dapat dipertikaikan lagi. Bahasa Arab mereka sangat mantap dan berkeupayaan menulis dan menyebarkan ilmu dalam bahasa tersebut.

Hasil kajian ini sangat berguna kepada pencinta ilmu dan khususnya nahu Arab. Ia dapat membantu pengkaji dalam memahami bagaimana hukum-hukum nahu dikeluarkan berdasarkan kepada metodologi yang kukuh dan jitu yang memperlihatkan kehebatan umat ini dalam praktikal amalan sehari-hari mereka, sama ada ibadat, tingkah laku dan pertuturan yang berpandukan kepada dalil-dalil yang kukuh melalui proses yang memakan masa yang panjang dengan hujah-hujah yang bersistem daripada sumber-sumber yang hanya dimiliki oleh umat ini sahaja tidak ada perkongsian. Ketinggian sanad riwayat al-Quran, qira'at, hadith, syi'r dan nathar tidak wujud pada mana-mana agama dan umat selain daripada umat Islam. Kaedah-kaedah qiyas, istishab, dan lain-lain seumpamanya tidak wujud di kalangan umat lain. Kajian-kajian moden yang berpandukan kepada kajian saintifik, berdasarkan fakta dan lain-lain tidak dapat menyamai apa yang wujud dalam Islam dan umatnya. Itulah keistimewaan diperolehi daripada kajian tentang Abu Hayyan ini.